



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

21 FEBRUARI 2025 (JUMAAT)

Pemandu ditahan, tidak sempat edar 20 lembu seludup

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	17	21 Feb

Pemandu ditahan, tidak sempat edar 20 lembu seludup

TANAH MERAH - Cubaan seorang pemandu lori untuk menghantar 20 ekor lembu seludup bernilai RM160,000 untuk dijual di pasaran tempatan gagal apabila ditahan di Kampung Lalang Pepuyu di sini kelmarin.

Suspek berusia 31 tahun itu ditahan kira-kira pukul 4.45 petang ketika anggota Batalion 8 Pasukan Gerakan Am (PGA) menjalankan tugas menerusi Op Taring Wawasan Kelantan.

Komander Briged Tenggara PGA, Datuk Nik Ros Azhan Ab. Hamid berkata, anggota PGA melihat sebuah lori jenis Hino dipandu dalam keadaan mencurigakan semasa tiba di kawasan kampung tersebut.



SEBUAH lori yang membawa 20 ekor lembu seludup ditahan di Kampung Lalang Pepuyu, Tanah Merah kelmarin.
- IHSAN PGA

wasan kampung tersebut.

Menurutnya, lori tersebut didapati membawa 20 ekor lembu seberat lebih 10,000 kilogram.

"Pemeriksaan lanjut mendapati, kesemua haiwan ternakan itu dipercayai diseludup dari Thailand berikutan ia tiada sebarang dokumen yang sah.

"Pemandu lori tersebut disyaki menjadi penghantar kesemua lembu itu," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, lembu yang dirampas diserahkan kepada Jabatan Veterinar Kelantan untuk tindakan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR